

14 JUN 1996

KU LI TEMU ANGGOTA S46 TERENGGANU KHAMIS INI

KUALA LUMPUR, 14 Jun (Bernama) -- Presiden Parti Melayu Semangat 46 (S46) Tengku Razaleigh Hamzah akan ke Terengganu Khamis ini dalam siri lawatannya ke untuk menjelaskan hasratnya menyertai UMNO kepada anggota parti tu di seluruh negara.

Tengku Razaleigh yang akan diiringi oleh pemimpin-pemimpin pusat parti itu, dijadual menemui anggota jawatankuasa S46 Terengganu di Paka sebelum mengadakan ceramah umum di Kampung Baharu, Kertih, bagi menjelaskan perkembangan terkini mengenai hasrat itu serta hasil perbincangan beliau dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ketua Penerangan S46 Ahmad Shabery Chik hari ini berkata ini merupakan lawatan pertama Tengku Razaleigh ke Terengganu berikutan keretakan hubungan S46 dan PAS ekoran pengumuman hasrat Tenghku Razaleigh untuk menyertai UMNO.

Selain di Kelantan, S46 menikmati sokongan kuat di Terengganu sejak ia ditubuhkan pada 1988. Terdapat kira-kira 50,000 anggota S46 di kesemua lapan bahagian parti itu di Terengganu. -- BERNAMA

SJA MAI